

# Ismail mahu jadi doktor swasta

BH- 3/5/2007.

## Menjadi anak Melayu pertama mendapat ijazah Universiti Melbourne, Australia

**T**UN Dr Ismail Abdul Rahman dilahirkan pada 4 November 1915 dalam keluarga ternama. Ayahnya, Abdul Rahman Yassin menjadi anak tunggal selepas adik perempuannya, Anima meninggal dunia ketika kecil.

Datuknya, Mohamed Yassin, seorang pegawai kerajaan, anak Orang Kaya Ahat dari Padang Muar. Mohamed Yassin berumah tangga dengan anak gadis Mohamed Salleh Abdullah, seorang muafak Cina dari Singapura yang pernah menjadi Bendahari Negeri Johor dan isterinya, seorang wanita Melayu dari Mersing. Apabila isterinya itu meninggal dunia, Mohamed Yassin berganti tikar.

Keluarga mereka mendiami sebuah rumah besar di Johor Bahru, dinamakan Rumah Tawakkal. Abdul Rahman Yassin bekerja di Pejabat Tanah Johor dan berumah tangga dengan sepupunya, Zahara Abu Bakar, wanita yang periang, mesra, peramah dan murah hati. Zahara berasal daripada keluarga Orang Kaya Abu Bakar, Muar.

Dia meninggal dunia pada 1936 dalam usia awal empat puluhan dan Abdul Rahman seterusnya berkahwin dua kali lagi.

Bersama Zahara beliau dikurniakan empat anak lelaki - Suleiman, Ismail, Abdullah dan Yassin - dan lima anak perempuan - Khatijah, Esah, Rafeah, Zubaidah dan Fatimah. Selain anak kandung, mereka juga suka mengambil anak angkat, biasanya diberikan sebagai tanda terima kasih atas nasihat atau pun bantuan diterima daripada Abdul Rahman.


Mengikut cerita Dr Ismail, ayahnya Abdul Rahman Yassin tidak pernah menjadi Menteri Besar Johor kerana beliau seorang 'lone wolf' (penyendiri) dan enggan terbabit dalam permainan politik.

Namun, Dewan Negeri Johor kemudian mengangkatnya menjadi Ahli Dewan Negara dalam Tanah Melayu merdeka dan beliau menjadi Yang Dipertua pertama. Beliau juga menjadi Pengerusi sulung Malayan Banking apabila bank itu ditubuhkan pada 1960.

Apabila Zahara meninggal dunia pada 1936, Abdul Rahman Yassin berumah tangga pula dengan Kamariah, anak Menteri Besar Johor, Datuk Ja'afar dan adik kepada Onn Ja'afar, pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno). Perkahwinan itu atas anjuran Sultan Ibrahim yang berusaha menyatukan golongan bangsawan negeri menerusi perkahwinan sekefu.

Ketika kecil, teman sepermainan Dr Ismail adalah saudara maranya sendiri. Kawan pada awal persekolahan pula semuanya Melayu. Selepas mula belajar di sekolah menengah, di English College Johor Bahru, barulah beliau mempunyai kawan daripada budaya lain.

Ketika belasan tahun, Dr Ismail kuat membaca dan gemar buku serius yang mengandungi bahan falsafah. Namun, buku itu saja minatnya.



**SIRI ketiga esok akan menceritakan bagaimana pembabitan awal Dr Ismail dalam Umno dan tentangannya terhadap Malayan Union. Bagi Ismail, dia akan berhenti sebagai doktor swasta untuk menyertai politik jika parti memperjuangkan kemerdekaan.**

Ketika di kolej, Dr Ismail menampakkan minat dalam bidang sukan, dan gemar membaca. Namun, di tengah suasana budaya yang unik di Johor Bahru ketika itu, ada dua keluarga Cina yang kemudian berperanan utama dalam kehidupan Dr Ismail. Pertama ialah keluarga Cheah Tiang Eam, seorang doktor perubatan yang gemar sukan golf. Dr Cheah sahabat baik Abdul Rahman Yassin.

Keluarga Kuok adalah keluarga Cina kedua di Johor Bahru yang mempunyai pertalian akrab dengan keluarga Dr Ismail. Kuok Keng Kang, juga berasal dari Foochow, tetapi agak lewat berhijrah ke Johor Bahru. Menjelang 1920, Kuok sudah kaya dan dia antara segelintir orang ketika itu mampu mengecap kemewahan berkereta.

Satu keluarga lagi yang rapat dengan keluarga Kuok, Cheah dan Abdul Rahman ialah keluarga Joseph Chako Puthuchery, yang berasal dari Kerala. Joseph Puthuchery adalah pendaftar orang asing dan seorang guru, malah pernah menjadi guru bahasa Latin kepada Dr Ismail.

Biarpun mendapat pendidikan terbaik di Johor, Dr Ismail kecewa kerana tidak mampu bersaing dengan pelajar Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Selepas mendapat keputusan menghampakan dalam peperiksaan tahunan ketiga, Dr Ismail dipanggil berjumpa ketua pegawai perubatan negeri untuk memberi keterangan sendiri.

Walaupun, gagal dalam permohonan untuk ke Hong Kong, Dr Ismail berjaya mendapat tempat di Universiti Melbourne, satu peristiwa dianggapnya 'mujur sekali'. Dengan ber-



**PERJUANG KEAMANAN:** Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri (kanan) bersama tiga pemimpin negara (dari kiri) Dr Ismail, Tun Abdul Razak dan Tunku Abdul Rahman ketika menghadiri sambutan Hari Kebangsaan, di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1965.

bekal surat penerimaan dari Fakulti Perubatan Universiti berkenaan, Dr Ismail berangkat dengan kapal dari Singapura ke Australia pada Mei 1940. Sepanjang pelayaran, beliau sempat mendarat di Betawi, Semarang, Surabaya, Brisbane dan Sydney.

Syarikat kapal itu bersetuju membawanya, walaupun dokumen imigresen tidak lengkap, selepas beliau berjanji untuk membayar tambang pulang sekiranya tidak dibenarkan masuk Australia di destinasi akhir. Beliau berkongsi kabin dengan seorang ahli silap mata keturunan India yang tidak henti-henti makan daripada sarapan sehingga makan malam.

Lelaki itu mendakwa dia seorang saja yang boleh membuat Hitler ketawa. Katanya, dalam sebuah persembahan untuk Hitler, dia mengeluarkan wang kertas Deutchmark berkeping-keping dari udara. Hitler gelak sambil berkata, dia patut dihantar ke kilang wang.

Dr Ismail menjejakkan kaki pada Khamis 4 Julai 1940, di Australia yang secara rasmi sudah 10 bulan berperang. Selepas mengangkat sumpah mematuhi peraturan kolej - "paling utama, jangan sekali-kali bawa minuman alkohol ke dalam kolej" - esoknya dia pindah ke sebuah kamar tidur lengkap dengan bilik belajar di sebelah, sewanya 130 guinea setahun.

Sayang, sekolah barunya - Queen College - tidak mengakui kredit bagi tiga tahun Dr Ismail belajar di sekolah perubatan Singapura. Satu saja kelonggaran diberikan universiti, iaitu kebenaran untuk mengambil peperiksaan tahun pertama lebih awal, pada bulan November 1940.

Dr Ismail belajar dengan tekun selama beberapa minggu seterusnya. Beliau akhirnya lulus pengajian pada 5 Jun 1945, lalu terus ditugaskan selama 12 bulan sebagai pegawai perubatan tetap di Hospital Pangkalan Horsham di Victoria oleh Jawatan Kuasa Penyelarasan Perubatan Victoria.

Walaupun, ingin pulang ke tanah air selepas perang berakhir, Dr Ismail bimbang bagaimana beliau dilayani kelak sebagai doktor di Tanah Melayu jajahan Inggeris. Beliau sudah diberitahu, jika pulang nanti, beliau akan diambil bekerja sebagai 'lantikan dalam negeri', ertinya ber taraf lebih rendah daripada kawannya dari Australia yang juga doktor, yang ketika itu sudah mula menerima jawatan di Malaya.

Jika begitu, beliau bercadang untuk tetap tinggal di Australia sambil menabung wang untuk memulakan klinik swasta apabila pulang ke tanah air nanti.

"Saya berasa Johor masih lagi di bawah Pemerintahan Tentera. Apabila Pentadbiran Awam kembali mentadbir nanti, peraturan lama mesti diganti. Semua orang mesti dinilai mengikut kebolehan masing-masing, tidak kira bangsa dan warna; barulah keamanan dapat dijamin," katanya. Ketika beliau menulis kata-kata ini, pertelagahan politik sedang bergolak di tanah air mengenai Malayan Union yang diusulkan Inggeris.

Dalam surat balasan pada 2 April, Abdul Rahman Yassin memberitahu Dr Ismail hutangnya kepada Brooks sudah dilunaskan, selepas sultan menelefon dan membuat hatinya bimbang 'seolah-olah itu wang dia, bukan wang Encik Brooks'.

Beliau juga mahu Dr Ismail pulang ke tanah air sebaik saja dia dibebaskan daripada syarat perkhidmatan. Katanya kepada anaknya, ada banyak peluang sekarang untuk menjadi doktor swasta yang berjaya, kerana Malaya kekurangan doktor. Jika kamu ditawarkan jawatan kerajaan tolonglah jangan terima.

Dr Ismail sebenarnya dibebaskan daripada kewajipan pada akhir Mac, apabila sekatan perang atas semua doktor tiba-tiba dibatalkan. Beliau menulis kepada ayahnya pada 16 April menyatakan beliau sedang bercuti sambil menunggu jawapan daripada Perkhidmatan Perubatan Malaya, dan sedia menerima jawatan 'dengan syarat sama seperti orang Eropah'.

Ayahnya, apabila menerima suratnya terdahulu, dengan segera mengirimi telegram menyuruhnya menarik balik permohonan itu dan menjadi doktor swasta di tanah air yang beliau yakin, lebih menguntungkan. Untuk menggalakkan Dr Ismail, dia berjanji untuk menanggung belanja perjalanannya pulang.

Sebenarnya, Dr Ismail belum memohon apa-apa jawatan di Malaya, sekadar membuat pertanyaan. Dengan segera beliau cuba menguruskan pelayaran pulang.

Hakikatnya, kapal pertama yang dapat dinaiki untuk ke Malaya hanya berangkat tujuh minggu kemudian dan selain itu, beliau masih perlu mendapatkan izin untuk masuk Malaya dari selatan.

Syarat mendapatkan izin masuk berkenaan kemudian dibatalkan, tetapi Ismail diberitahu bahawa Julai nanti baru beliau dapat belayar. Dia akan berangkat dari Sydney. Kebe-

**“Banyak peluang sekarang untuk menjadi doktor swasta yang berjaya, kerana Malaya kekurangan doktor. Jika kamu ditawarkan jawatan kerajaan tolonglah jangan terima”**

**Abdul Rahman Yassin dalam surat kepada Ismail ketika menuntut di Australia**

tulan, dia bakal menaiki kapal *Marella*, kapal sama yang membawanya ke Australia betul-betul enam tahun lalu.

Sambil menunggu masa, Dr Ismail sempat bertugas sebagai *locum tenens* (doktor sandaran sementara) untuk mengumpul wang bagi pelayarannya. Apabila tiba di pejabat syarikat kapal kemudian untuk menem-pah tempat, hatinya gembira mendapat tahu tambang sudah dibayar. Rupanya ejen perkapalan dengan murah hati menanggung tambang pulang dari Australia untuk semua anak Tanah Melayu.

Dr Ismail menggunakan beberapa hari terakhir di Australia untuk membeli ubat dan alat, yang pada fikirannya mungkin sukar didapati di Malaya, serta memilih pakaian sebagai hadiah untuk adik perempuannya.

Dalam surat terakhir dari Australia - ditulis pada 14 Julai di perairan Fremantle ketika beliau sudah menaiki kapal untuk pulang - beliau mengadu adik perempuannya tidak pernah menulis surat.

Jika mereka ada menulis tentu sekurang-kurangnya beliau tahu apa buah tangan patut dibeli untuk mereka. Beliau berangkat pulang pada 7 Julai 1946.

Minggu pertama pelayarannya kapal mengharungi gelora dan ramai penumpang mabuk laut. Tetapi, Dr Ismail tidak begitu terjejas kerana sudah bersiap sedia dengan ubat yang perlu. Pelayarannya cukup lama, 19 hari panjangnya.

Pada 26 Julai 1946, sebagai doktor berusia 31 tahun, anak Melayu yang pertama menerima ijazah Universiti Melbourne, Ismail menjejakkan kaki kembali di Singapura.